

## **FAQ PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) SISA PLASTIK KE MALAYSIA**

1. Adakah saya masih boleh memohon AP Sisa Plastik daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)?

Tidak. Bermula 2 Februari 2015, JPSPN telah diwartakan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan AP Sisa Plastik.

2. Siapa yang boleh membuat permohonan?

Pemohon hendaklah mempunyai premis kilang dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan sebelum mengemukakan permohonan.

3. Bolehkah saya mengimport masuk sisa plastik dan membuat permohonan setelah konsaimen tiba di pelabuhan?

Tidak. AP perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum proses pengimportan dimulakan sepertimana termaktub di dalam Jadual 2 Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015.

4. Apakah prosedur bagi memohon AP?

- i. Berdaftar dengan Bahagian Kelulusan dan Pelesenan, JPSPN (Borang pendaftaran dan senarai semak boleh didapati di laman web JPSPN di [www.kpkt.gov.my/jpspn\\_2013](http://www.kpkt.gov.my/jpspn_2013) )
- ii. Mendapatkan surat kelulusan pengeksport (permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Bahagian Teknologi Penyelidikan, Sisa Binaan dan Industri, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- iii. Memohon AP secara online melalui sistem ePermit di laman web <http://epermit.dagangnet.com/JPSPN>

5. Jenis pengeluaran AP yang akan dikeluarkan?

AP akan dikeluarkan berdasarkan *single usage* dan *single consignment* (per shipment).

6. Berapa lama tempoh yang diambil untuk mendaftar dengan JPSPN?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

7. Berapa lama tempoh yang diambil untuk memproses surat kelulusan pengeksport?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

8. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk memproses AP?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

9. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan untuk permohonan AP Sisa Plastik?

- i. Gambar sebenar bahan yang hendak diimport;
- ii. Invois dari pengeksport;
- iii. Lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan(PBT);
- iv. Surat pematuhan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan
- v. Surat kelulusan pengeksport daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) disertakan bersama sijil ISO 14001.

10. Adakah kilang yang menghasilkan sisa plastik (pengeksporth/pembekal) perlu mendapat sijil pengiktirafan ISO 14001?

Polisi Jabatan telah menetapkan semua pengimport perlu memastikan pengeksporth(pembekal) mempunyai persijilan ISO 14000 atau setaraf dengannya bermula 1 Julai 2016. Dokumen ISO tersebut perlu dimuatnaik bersama surat kelulusan pengeksporth(pembekal) semasa permohonan Lesen Import (AP) dibuat sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan AP.

11. Siapa boleh saya hubungi sekiranya terdapat sebarang kemusykilan?

**Berkenaan pendaftaran dan permohonan AP, sila hubungi JPSPN :**

- i. Puan Siti Noraini binti Md Yusof      03-88914579 [sitinatoraini@kpkt.gov.my](mailto:sitinatoraini@kpkt.gov.my)
- ii. Puan Nurul Hana Janie Binti Wong      03-88914577 [janie89@kpkt.gov.my](mailto:janie89@kpkt.gov.my)
- iii. Encik Ahmad Faisal bin Mad Ayob      03-88914568 [afaisal@kpkt.gov.my](mailto:afaisal@kpkt.gov.my)
- iv. Cik Nor Ain Fazlina Binti Saari      03-88914563 [ainfazlina@kpkt.gov.my](mailto:ainfazlina@kpkt.gov.my)

**Berkenaan permohonan pengeksport, sila hubungi SWCorp:**

- i. Puan Siti Maria Ulfah binti Abd Salam      03-83189465 [siti.maria@swcorp.my](mailto:siti.maria@swcorp.my)
- ii. Puan Norfarhaniza Binti Nordin      03-83189468 [norfarhaniza@swcorp.my](mailto:norfarhaniza@swcorp.my)
- iii. Encik Zurham bin Mamat      03-83189454 [zurham@swcorp.my](mailto:zurham@swcorp.my)

**Berkenaan sistem ePermit, sila hubungi :**

Dagang Net Technologies Sdn Bhd  
Pusat Perkhidmatan Pelanggan @ Careline  
Tower 3, Avenue 5, The Horizon, Bangsar South,  
No. 8, Jalan kerinchi  
59200 KUALA LUMPUR

Waktu Beroperasi: 24 jam (7 hari seminggu)

Telefon: 1-300-133-133

Fax: 03-27132990

Emel : [careline@dagangnet.com](mailto:careline@dagangnet.com)

Web: <http://www.dagangnet.com>